

Kawal penjualan asid

M UTAKHIR ini kes jenayah membabitkan asid mula meningkat dan membimbangkan orang ramai.

Penyalahgunaan asid oleh pihak tidak bertanggungjawab atas pelbagai tujuan dan motif jenayah ini dilihat semakin meningkat.

Terkini dua sahabat menjadi mangsa simbahana asid di Kampung Padang Mercang, Marang.

Ia dikatakan berpunca daripada persengketaan membabitkan perebutan kekasih.

Jika kita meneliti rekod kes membabitkan penggu-

naan asid seperti ini, ia bukanlah kes pertama.

Sebelum ini, negara pernah gempar dengan beberapa siri jenayah ragut misalnya yang menggunakan asid sebagai senjata.

Ternyata penggunaan asid untuk tujuan jenayah dan balas dendam belum memenui titik noktah.

Ia terus berlaku di seluruh negara sekali gus dilihat cukup merisaukan dan mencetuskan rasa ketakutan.

Kejadian ini menimbulkan dua persoalan yang perlu kita rungkai iaitu apa

menyebabkan penjenayah beralih kepada asid dan bagaimana mereka dengan mudah memiliki asid?

Ternyata selama ini kita terlepas pandang ketirisan dalam aspek undang-undang berkaitan penjualan, penyimpanan dan penggunaan asid yang menyebabkan penjenayah atau siapa saja boleh mengambil kesempatan dan menjadikannya sebagai senjata.

**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**
Universiti Putra Malaysia